

29 AUG 2000

MAHATHIR-RINGGIT/I

RINGGIT TETAP DITAMBAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa kerajaan tidak akan menghapuskan penetapan ringgit buat masa ini kerana kawalan tukaran berpilih negara itu tidak memberikan keburukan kepada sesiapa.

Beliau berkata kerajaan akan menimbang menilai semula ringgit yang ditambat pada RM3.80 bagi satu dolar Amerika, sekiranya matawang negara-negara jiran mengukuh sebanyak 30 peratus atau susut 20 peratus.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita selepas sesi soal jawab di Persidangan Bank-Bank Pusat di sini hari ini.

Ditanya sama ada kerajaan akan menghapuskan cukai keluar, beliau berkata: "Tidak buat masa ini."

Sebelum itu, dalam ucapannya di persidangan itu, Dr Mahathir menyentuh mengenai etika amalan-amalan perniagaan.

Beliau berkata sikap prihatin kepada orang lain dan mengenai kesamarataan agihan yang pada akhirnya meningkatkan kualiti hidup seolah-oleh mencabar keutuhan pasaran swasta klasikal dan kekuatan peraturan memaksimumkan keuntungan swasta.

Beliau berkata perniagaan perlu bergerak melangkaui pandangan jangka pendek, iaitu melepaskan sebahagian keuntungan jangka pendek untuk mencapai matlamat etika jangka panjang.

Dengan prihatin terhadap keperluan dan kepentingan orang lain, perniagaan akan menjadi lebih baik kerana mereka akan mempunyai tempoh hayat yang lebih lama, mendapat pendapatan dan tumbuh dengan mantap, dan mengumpul kekayaan yang lebih baik daripada mereka yang memaksimum keuntungan tanpa mengambil kira perkara lain, katanya.

-- BERNAMA

SHO FR JR MA